



INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,
GOVERNMENT AND COMMUNICATION
(IJLGC)
www.ijlgc.com



**FAKTOR PENGLIBATAN REMAJA DALAM JENAYAH
JUVANA: KAJIAN DI ASRAMA AKHLAK RUSILA MARANG
TERENGGANU**

*FACTORS OF ADOLESCENT INVOLVEMENT IN JUVENILE CRIME: A STUDY
AT ASRAMA AKHLAK RUSILA MARANG TERENGGANU*

Sharifah Shahida Syed Muhsin^{1*}, Azlini, C²

¹ Fakulti Sains Sosial Gunaan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZa), Malaysia
Email: sharifahshahida39@gmail.com.my

² Fakulti Sains Sosial Gunaan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZa), Malaysia
Email: azlinichik@unisza.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 20.01.2025

Revised date: 03.02.2025

Accepted date: 10.03.2025

Published date: 25.03.2025

To cite this document:

Syed Muhsin, S. S., & Azlini, C.
(2025). Faktor Penglibatan Remaja
Dalam Jenayah Juvana: Kajian Di
Asrama Akhlak Rusila Marang
Terengganu. *International Journal of
Law, Government and
Communication*, 10 (39), 230-245.

DOI: 10.35631/IJLGC.1039015

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Jenayah juvana sering dilaporkan seolah-oleh tidak ada pengakhiran. Oleh itu faktor berlakunya kejadian ini perlu dikaji. Antara kesalahan jenayah yang sering berlaku dalam kalangan remaja adalah penyalahgunaan dadah, mencuri, seks bebas, jenayah kekerasan, dan merosakkan harta benda. Kajian ini dijalankan di Asrama Akhlak Rusila, Marang, Terengganu bertujuan untuk mengenalpasti faktor-faktor yang menyebabkan remaja terlibat dengan juvana. Metodologi yang digunakan adalah kaedah kualitatif dan alat kajian menggunakan temubual separa berstruktur. Sampel kajian terbahagi kepada dua kumpulan iaitu dua orang pegawai asrama dan 12 orang pesalah juvana yang dipilih mengikut tiga kumpulan yang mempunyai latar belakang sosioekonomi keluarga yang berbeza iaitu berpendapatan rendah, sederhana dan tinggi mengikut ukuran rasmi kerajaan. Empat orang pesalah juvana dipilih untuk setiap kumpulan. Hasil kajian dianalisis dengan menggunakan pendekatan induktif dan mendapati faktor salah laku remaja adalah disebabkan perasaan ingin mencuba, pengaruh rakan, dan sosioekonomi keluarga yang rendah. Kesibukan ibu bapa bekerja menyebabkan remaja bebas berada di luar rumah selain daripada remaja mencari sumber pendapatan sendiri untuk meneruskan kelangsungan hidup sehingga menyebabkan mereka terjebak dengan jenayah juvana. Kesimpulannya, ketika anak-anak sedang meningkat remaja, pergaulan dan aktiviti mereka perlu dipantau oleh ibu bapa, ahli keluarga terdekat, dan guru-guru untuk memastikan mereka bergaul dalam kalangan rakan-rakan yang berakhlak supaya tidak melakukan aktiviti tidak sihat. Implikasi kajian membuktikan Akta Kanak-kanak 2011 dapat memberi pengajaran kepada pesalah juvana dan dapat memberi kesedaran kepada ibu bapa, ahli keluarga, guru-guru, masyarakat, dan pihak berwajib tentang faktor-

faktor yang menyebabkan remaja terlibat dengan jenayah juvana supaya semua pihak yang terlibat dapat mengambil peduli dan memantau kegiatan remaja agar penglibatan remaja dalam jenayah juvana dapat dihindari.

Kata Kunci:

Remaja, Juvana, Asrama Akhlak Rusila, Marang, Terengganu

Abstract:

Juvenile crime is often reported as never ending. Therefore, the factors that cause this incident need to be studied. Among the crimes that often occur among teenagers are drug abuse, stealing, free sex, violent crimes, and damaging property. This study was conducted at Asrama Akhlak Rusila, Marang, Terengganu with the aim of identifying the factors that cause teenagers to get involved with juveniles. The methodology used is a qualitative method and a research tool using semi-structured interviews. The study sample was divided into two groups, namely two hostel officials and 12 juvenile offenders who were selected according to three groups with different family socioeconomic backgrounds, namely low, medium and high income according to the official government measure. Four juvenile offenders were selected for each group. The results of the study were analyzed using an inductive approach and it was found that the factors of teenage misbehavior are due to the feeling of wanting to try, the influence of friends, and the family's low socioeconomic status. The busyness of working parents causes teenagers to be free outside the home apart from teenagers looking for their own source of income to continue survival, thus causing them to get caught up in juvenile crime. In conclusion, when children are growing into teenagers, their socializing and activities need to be monitored by parents, close family members, and teachers to ensure that they socialize with friends who have good manners so that they do not engage in unhealthy activities. The implications of the study prove that the Children's Act 2011 can teach lessons to juvenile offenders and can give awareness to parents, family members, teachers, the community, and authorities about the factors that cause teenagers to be involved in juvenile crime so that all parties involved can take care and monitor the activities of teenagers so that the involvement of teenagers in juvenile crimes can be avoided.

Keywords:

Teenagers, Youth, Asrama Akhlak Rusila, Marang, Terengganu

Pengenalan

Perkataan remaja dalam padanan bahasa Inggeris disebut *adolescence* merujuk kepada tempoh transisi antara zaman kanak-kanak dengan zaman dewasa dalam kehidupan seseorang. Tempoh itu diistilahkan sebagai remaja awal. Umur bagi tempoh ini adalah antara 12 hingga 16 atau 18 tahun. Bagi tempoh remaja akhir merujuk kepada jarak umur antara lingkungan 16 hingga 25 tahun. Golongan ini lazimnya diistilahkan sebagai belia atau dalam bahasa Inggerisnya disebut sebagai *youth*. Di peringkat antarabangsa, pihak *United Nation of Educational and Cultural Organisation* (UNESCO), Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) mendefinisikan remaja (secara khususnya merujuk kepada belia) berdasarkan rancangan-rancangan yang dihadapkan kepada para peserta yang berumur sekitar 15 hingga 30 tahun (Gelanggang 1988:4). Perkataan 'remaja' berasal daripada perkataan Latin bermakna proses ke arah kematangan. Golongan ini

sentiasa mempunyai perasaan ingin mencuba dan sedang menuju ke tahap untuk menjadi dewasa. Dari sudut perkembangan manusia, remaja merujuk kepada satu peringkat perkembangan manusia, iaitu peringkat transisi antara peringkat kanak-kanak dan peringkat dewasa. Semasa seseorang mengalami zaman remaja, mereka akan mengalami pelbagai perubahan drastik, termasuk perubahan jasmani, sosial, emosi, dan bahasa. Akibatnya, remaja mengalami emosi yang tidak stabil dan sentiasa “bermasalah”. Golongan remaja merupakan kelompok penting ke arah pembangunan negara pada masa hadapan. Mereka merupakan pelapis dan pemimpin untuk mencerna keberdayaan masyarakat bagi mewujudkan Malaysia sebagai sebuah negara maju, moden, harmoni, toleransi, berintegriti, dan mempunyai kewibawaan tamadun bangsa yang komprehensif.

Masalah remaja merupakan satu isu global. Oleh hal yang demikian, pendekatan awal telah diambil oleh Malaysia untuk menggubal Akta Mahkamah Juvana 1947 (Shamsiah, 2004). Pada tahun 1995, Malaysia menyertai Konvensyen Bangsa-bangsa Bersatu Mengenai Hak Kanak-kanak (CRC) yang mempunyai 54 artikel di dalamnya yang telah diterima pakai dalam Undang-undang Antarabangsa setelah dibentangkan dalam Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu pada 20 November 1989. CRC merupakan satu panduan pelaksanaan standard bagi negara-negara yang menyertainya (Aneeta, 1999). Sehubungan itu, Malaysia merupakan salah sebuah negara pertama yang menggubal akta berkaitan Sistem Pengadilan Juvana iaitu Akta Kanak-kanak 2001 (Shamsiah, 2004). Akta Kanak-kanak 2001 (selepas ini disebut sebagai Akta Kanak-kanak) telah diwartakan pada 1 Mac 2001 dan dikuatkuasakan secara rasmi pada 1 Ogos 2002 selaras dengan penguatkuasaan pindaan Kanun Kesiksaan yang memuatkan aspek-aspek yang tidak dapat dimasukkan ke dalam Akta Kanak-kanak. Akta Kanak-kanak merupakan gabungan tiga akta iaitu Akta Perlindungan Kanak-kanak 1991, Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973 dan Akta Mahkamah Juvana 1947. Ketiga-tiga akta tersebut walau bagaimanapun telah dimansuhkan menerusi seksyen 130 Akta Kanak-kanak. Akta Mahkamah Juvana 1947 dan Akta Perlindungan Kanak-kanak 1991 digabungkan sepenuhnya ke dalam Akta Kanak-kanak tetapi bagi Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973, mana-mana peruntukan yang tidak boleh digabungkan dimasukkan ke dalam Kanun Kesiksaan (Mimi, 2001). Akta Kanak-kanak digubal khusus untuk memberikan perlindungan, penjagaan dan pemulihan kepada kanak-kanak. Akta Kanak-kanak bukan sahaja mengiktiraf kanak-kanak sebagai komponen penting dalam masyarakat tetapi juga sebagai kunci kehidupan, pembangunan dan kemakmuran masyarakat.

Jenayah Juvana merujuk kepada perlakuan jenayah yang dikaitkan dengan penglibatan remaja dalam pelbagai masalah sosial dan membimbangkan semua pihak. Ia merupakan satu daripada isu sosial yang penting kerana golongan ini mampu melakukan jenayah berat. Walau bagaimanapun mereka masih belum boleh dipertanggungjawabkan sepenuhnya disebabkan oleh faktor usia, sepertimana di bawah Seksyen 2 Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) ditafsirkan sebagai seseorang di bawah umur 18 tahun. Sehubungan itu, Akta Kanak-Kanak terpakai kepada semua kanak-kanak yang berumur di bawah lapan belas tahun selaras dengan Seksyen 2 Akta Umur Dewasa 1971 (Akta 21) yang menetapkan umur dewasa sebagai 18 tahun. Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) telah memansuhkan Akta Mahkamah Juvana 1947 (Akta 90) keseluruhannya. Hari ini sering kita dengar pelbagai kes jenayah yang melibatkan pelajar sekolah dan remaja semakin berleluasa. Jenayah yang dilakukan terlalu agresif dan menakutkan. Jenayah peras ugut dilakukan oleh mereka yang hidup dalam dunia khayalan sendiri. Vandalisme merupakan salah satu jenayah yang sering mereka lakukan seperti merosakkan harta benda dan kemudahan awam serta mencuri. Di Malaysia golongan juvana seawal 10 tahun telah direkrut oleh sindiket sebagai pengedar kecil-kecilan di sekolah (Utusan

Malaysia, 29 Mac 2014). Selain pengedaran dan penagihan dadah, masalah penzinaan, pembuangan bayi, khalwat dan rogol juga turut membelenggu kehidupan masyarakat kini (Sudi et al. 2021; Wazir et al. 2020). Jenayah juvana masih kekal menjadi penyumbang kepada peningkatan indeks jenayah di Malaysia yang mana jika tidak dibendung boleh memberi kesan kepada pembangunan sosial, modal insan dan kesejahteraan negara.

Akta Kanak-kanak 2001 digubal khusus untuk memberikan perlindungan yang komprehensif kepada kanak-kanak yang memerlukan, termasuklah kanak-kanak yang melakukan kesalahan atau jenayah yang dikenali sebagai pesalah kanak-kanak. Akta Kanak-kanak 2001 memperuntukkan dengan jelas bahawa semua prosedur penangkapan, penahanan dan perbicaraan seseorang pesalah kanak-kanak perlulah mengikut peruntukan yang telah ditetapkan dalam Akta Kanak-kanak 2001. Walau bagaimanapun, Mahkamah Bagi Kanak-kanak tiada bidang kuasa untuk mendengar kes-kes yang boleh membawa hukuman mati (seksyen 11(5) Akta Kanak-kanak) seperti membunuh, mengedar dadah, memiliki senjata api dan sebagainya. Begitu juga dengan kesalahan yang dilakukan oleh kanak-kanak bersama dengan orang dewasa (seksyen 83(4) Akta Kanak-kanak), contohnya, merompak, membunuh, merogol dan sebagainya bersama-sama dengan tertuduh dewasa. Bagi kes-kes sedemikian, pesalah kanak-kanak akan dibicarakan di Mahkamah Tinggi. Walau bagaimanapun, tiada peruntukan yang jelas dalam Akta Kanak-kanak 2001 dan undang-undang bertulis yang lain menerangkan keperluan penggunaan Akta Kanak-kanak 2001 dalam prosiding di Mahkamah Tinggi. Menurut seksyen 97, hukuman mati tidak boleh diumumkan atau direkodkan terhadap remaja yang didapati bersalah atas sesuatu kesalahan jika pada hemat Mahkamah dia ialah seorang kanak-kanak pada masa kesalahan itu dilakukan. Hal ini bertepatan dengan Artikel 37 Konvensyen Bangsa-bangsa Bersatu Mengenai Hak Kanak-kanak yang melarang hukuman mati dan penjara seumur hidup dikenakan terhadap pesalah kanak-kanak. Sebagai ganti hukuman mati, Mahkamah akan memerintahkan supaya pesalah kanak-kanak itu ditahan dipenjara selama yang diperkenankan oleh:

(a) Yang Di Pertuan Agong jika kesalahan itu dilakukan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur atau Wilayah Persekutuan Labuan; atau

(b) Raja atau Yang di Pertua Negeri, jika kesalahan itu dilakukan di Negeri itu.

Walaupun apa pun kesalahan yang dilakukan oleh seseorang kanak-kanak dan mana-mana perintah yang dikenakan terhadapnya, ia tidak boleh menjadi sebahagian daripada rekod jenayah seperti pesalah dewasa.

Kajian ini bertujuan untuk menyelidiki faktor-faktor yang telah menyebabkan remaja terlibat dengan jenayah juvana sehingga boleh disabitkan kesalahan dan akhirnya di hantar ke Asrama Akhlak Rusila, Marang, Terengganu (mengikut Akta Kanak-kanak 2001). Kesan daripada hukuman yang diterima, pesalah juvana menyatakan hasrat untuk berubah dan tidak akan mengulangi kesalahan sama lagi. Kajian ini adalah kesinambungan daripada kajian sedia ada. Namun, bentuk soalan soal selidik yang digunakan mempunyai perbezaan dengan kajian-kajian lepas. Pengkaji telah menemui pesalah juvana dengan memfokuskan kepada sejarah awal penglibatan remaja tersebut dalam jenayah juvana. Dengan kaedah ini pengkaji telah mendapat sumber primer terus daripada responden dan dapat memahami faktor penglibatan remaja terbabit dengan lebih mendalam.

Sorotan Kajian

Perbincangan berkenaan masalah sosial mendapati terdapat beberapa faktor yang mendorong berlakunya salah laku akhlak dalam kalangan remaja iaitu faktor kerohanian, diri sendiri, rakan, sikap ingin mencuba, kurang didikan agama dan ketahanan diri yang lemah (Wazir et al. 2020). Menurut Azizan et al. (2022), faktor persekitaran sosial boleh mempengaruhi atau menjadi sumber pembelajaran kepada proses pembentukan tingkah laku seseorang melalui pelbagai corak pembelajaran sosial seperti permodelan, maklum balas, dorongan dan halangan. Faktor persekitaran sosial yang dimaksudkan termasuk elemen-elemen kemanusiaan, seperti pengaruh ibu bapa, pengaruh guru-guru, pengaruh rakan sebaya dan pengaruh masyarakat, atau elemen-elemen bukan kemanusiaan seperti pengaruh pelbagai jenis media yang diterima oleh seseorang semasa menjalani proses kehidupan mereka (Abd Majid et al. 2021; Mustafa et al. 2021). Pembabitian remaja dalam jenayah tidak diketahui dengan jelas dan tidak berpunca daripada satu faktor sahaja. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa faktor yang disifatkan boleh menjurus remaja melakukan tingkah laku jenayah. Dalam proses pembentukan peribadi dan personaliti remaja terdapat empat pengaruh yang memberi kesan dalam pembentukan sendiri iaitu pengaruh ibu bapa, rakan sebaya, teman istimewa dan guru. Kajian mendapati kebanyakan kes jenayah wujud akibat si pelakunya datang daripada keluarga yang menghadapi konflik atau keluarga yang bermasalah atau porak-peranda kerana mereka kurang mendapat kepentingan pembinaan sosial oleh kedua-dua ibu bapa. Faktor ibu bapa adalah lebih kepada cara didikan dan asuhan di rumah yang mempunyai perkaitan rapat dengan masalah salah laku yang timbul (Nik Nordin & Selamat, 2018).

Abd. Majid et al. (2019) menyatakan bahawa perceraian ibu bapa serta kesibukan dalam memenuhi tuntutan kehidupan merupakan faktor remaja terlibat dengan masalah seksual. Hal ini kerana ibu bapa bukan sahaja menjadi penyumbang pembinaan sosial tetapi juga “role-model” yang menyalurkan nilai-nilai murni dan positif kepada remaja. Kepimpinan melalui teladan merupakan contoh terbaik yang ditunjukkan oleh ibu bapa akan melekat di minda anak-anak remaja dan akan sebatikan dengan diri mereka. Sebaliknya, perkembangan remaja akan melalui pelbagai masalah sekiranya remaja tidak mendapat kasih sayang dan didikan yang sempurna daripada kedua-dua ibu bapa. Mengikut ujian tingkah laku, anak-anak yang diberi didikan, perhatian dan kasih sayang yang cukup akan membesar dengan penuh yakin dan lebih mudah dibentuk berbanding anak-anak yang kurang diberi perhatian, mereka mudah memberontak dengan melakukan perkara yang ditegah walaupun berulang kali ditegur. Ini membuktikan bahawa masalah sosial yang berlaku dalam kalangan remaja masa kini amat berkait rapat dengan institusi keluarga yang tidak harmoni dan seimbang (Othman et al. 2018). Remaja yang terbiar tanpa interaksi sosial yang positif dan bimbingan akan menghadapi kekeliruan dalam menentukan hala tuju. Apatah lagi dalam usia yang sebegitu muda, sudah pasti remaja ini akan mencari hala tujunya sendiri dan akan mudah tertarik melakukan sesuatu yang membawa keseronokan dan kelekakan sehingga lebih cenderung menghabiskan masa di luar rumah bersama rakan-rakan. Faktor kepincangan keluarga dan taraf sosio-ekonomi sesebuah keluarga akan mencorak kehidupan seorang kanak-kanak. Kegagalan ibu bapa untuk membetulkan kepincangan anak-anak akan menyebabkan anak-anak tidak lagi menghormati mereka. Menurut James Becker, ketidakseimbangan disiplin sesebuah keluarga akan menyebabkan anak-anak tidak dapat mewujudkan pengawalan diri yang sempurna dan ini akan menjejaskan ketahanan diri remaja.

Konsep ketegangan dalam (general strain theory) GST merujuk kepada hubungan negatif antara remaja dan sistem sosialnya. Misalnya hubungan negatif antara remaja dan ibu bapa. Nasir (2023) berpendapat remaja yang menerima layanan yang buruk akan berasa kecewa

seterusnya memberi respon negatif melalui sikap agresif, jenayah dan tingkah laku devian. Menurut Price et al. (2023), ketegangan boleh menimbulkan emosi negatif seperti marah, kecewa, murung dan tertekan. Emosi negatif pula mendorong seseorang menggunakan strategi daya tindak seperti terlibat dengan jenayah atau perlakuan 'escapisme'. Ketegangan terbahagi kepada dua iaitu ketegangan yang bersifat objektif dan ketegangan bersifat subjektif (Balconi, Fronda, & Crivelli, 2019). Ketegangan objektif merujuk kepada situasi yang tidak disenangi oleh individu atau kumpulan seperti penderaan, kegagalan dan kemiskinan. Ketegangan subjektif bermaksud respons, penilaian, persepsi, perasaan atau sikap individu terhadap situasi tersebut. Setiap individu memberi respons dan penilaian yang berbeza terhadap sesuatu peristiwa. Misalnya, individu A mungkin menganggap kemiskinan yang dihadapi sebagai positif dan perlu bekerja keras untuk keluar daripada kepompong kemiskinan. Manakala individu B mungkin memberi respons negatif kepada kemiskinan sebagai tiada harapan lagi untuk keluar daripada masalah tersebut. Individu mungkin menggunakan cara yang tidak sah untuk memperoleh kekayaan atau mengambil dadah bagi melupakan masalah yang dihadapi. Perbezaan respons antara individu A dan individu B bergantung kepada personaliti diri, sumber-sumber personal, strategi daya tindak, ikatan sosial dengan orang sekeliling serta ciri-ciri ketegangan. Individu yang mengalami ketegangan hasil daripada ketidakadilan sosial mempunyai kecenderungan yang tinggi untuk terlibat dengan jenayah.

Menurut Rapee et al. (2019), penglibatan remaja dalam pelbagai gejala sosial berpunca daripada pelbagai faktor. Antaranya faktor dalaman diri remaja itu sendiri iaitu perkembangan personaliti, kegagalan institusi keluarga dan juga pengaruh rakan sebaya. Zainal & Sharani (2004) menyatakan pengaruh persekitaran sekolah menjadi punca keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja. Peranan ibu bapa penting dalam mendidik anak-anak. Kajian oleh Nabilah Norzli (2019) menunjukkan bahawa remaja yang terpengaruh dengan masalah sosial dan tidak berdisiplin mempunyai penghargaan sendiri yang rendah. Ini kerana remaja yang terlibat dalam masalah sosial tidak mempunyai perhubungan sosial yang kuat dan sering rasa terpencil dan rendah diri. Terdapat dalam kalangan ibu bapa tidak mengambil berat tentang pendidikan agama. Dalam kajian Othman, Sarnon, dan Zakaria (2019) telah membuktikan penglibatan remaja dalam masalah sosial adalah disebabkan kurangnya amalan kerohanian seperti menunaikan solat. Bakar, Yakub, Yusoff, dan Norasid (2019) menyatakan kemantapan agama berlaku agak lewat dalam diri remaja iaitu antara umur 23 dan 24 tahun telah menyebabkan remaja mudah terlibat dengan juvana. Selain itu, terdapat faktor internal yang menyebabkan masalah sosial dalam kalangan remaja iaitu status sosio demografi dan ekonomi iaitu tahap pendidikan, bilangan adik beradik dan pendapatan ibu bapa (Mohd Nasir & Mohd Ali Hanafiah, 2015).

Absha Atiah (2019) menyatakan bahawa faktor remaja terlibat dengan masalah sosial ialah faktor diri sendiri (Buerah et al. 2015; Othman et al. 2018). Selain itu, ibu bapa, media massa dan rakan sebaya juga merupakan salah satu punca terjadinya masalah sosial dalam kalangan remaja. Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Kamaluddin et al. (2021) terdapat empat faktor utama yang menyumbang kepada gejala penagihan dadah antaranya pengaruh rakan sebaya, persekitaran keluarga dan tempat tinggal, tekanan yang dialami remaja dan kurang pengetahuan serta didikan agama. Faktor-faktor yang disebutkan ini perlu diberikan perhatian agar para remaja tidak mudah terpedaya dengan apa yang mereka hadapi dalam menjalani kehidupan seharian. Penglibatan remaja dalam penzinaan juga membimbangkan, hasil kajian mendapati bahawa terdapat beberapa faktor yang mendorong remaja melakukan penzinaan iaitu pengaruh rakan sebaya, pengaruh media massa, kejutan budaya, sistem pendidikan dan persekolahan, kurang pendidikan ibu bapa, kurang penghayatan agama dan pergaulan bebas

(Ab Razak & Hamjah, 2016). Guru turut menjadi menyumbang faktor tertinggi apabila pelajar merasa bimbang kerana tidak menyiapkan tugas yang diberikan dan kelemahan komunikasi antara guru dan pelajar menyebabkan pelajar tertekan sehingga menyebabkan mereka terjebak dengan juvana (Nik Nordin & Selamat, 2018). Manakala kajian yang dilakukan oleh Abd. Majid et al. (2019) menunjukkan percintaan dalam kalangan remaja dan filem porno kesan kepesatan teknologi komunikasi memudahkan perhubungan antara lelaki dan perempuan yang tidak terkawal turut menyumbang salah laku akhlak remaja pada masa ini.

Abd Majid et al. (2021) menyatakan bahawa ibu bapa atau keluarga adalah faktor yang memiliki kekerapan yang tinggi iaitu 24%, diikuti dengan faktor rakan sebaya iaitu 19%. Manakala faktor diri adalah 15%, guru atau sekolah, media massa dan persekitaran menyumbang peratusan yang sama iaitu sebanyak 14%. Kepesatan perkembangan teknologi juga antara faktor penyumbang kepada salah laku akhlak (Nurzatil et al. 2022). Remaja perlu kepada dorongan agar dapat membezakan perkara yang baik dan buruk dalam menggunakan teknologi. Tanpa kawalan yang rapi, remaja tidak mampu mengawal diri daripada terlibat dengan unsur-unsur yang negatif. Berdasarkan kajian Nurzatil et al. 2022, mendapati segelintir remaja yang terjebak dengan salah laku delinkuen kerana mereka menginginkan kehidupan dan kemewahan seperti rakan-rakan yang berada di sekeliling mereka walhal mereka tidak mampu. Akhirnya, mereka didorong untuk melakukan pekerjaan atau perkhidmatan yang menyalahi syariat Islam seperti 'sugarbaby'. Hasil daripada perkhidmatan tersebut mereka memperoleh pendapatan yang lumayan. Perkara ini berlaku disebabkan oleh golongan anak-anak remaja ini terdedah kepada elemen negatif yang mudah mendominasi pemikiran dan tingkah laku seharian. Keadaan ini menjadi lebih kritikal disebabkan peringkat umur remaja adalah fasa bagi mereka melakukan eksplorasi terhadap pelbagai alternatif, cenderung mempunyai rasa ingin tahu yang tinggi dan selalu ingin mencuba perkara-perkara yang baru (Abd Majid et al. 2021). Rakan sebaya merupakan individu yang dekat dengan remaja, malah sebahagian remaja lebih mesra dengan rakan sebaya berbanding ibu bapa atau keluarga. Pemilihan rakan yang tepat amat penting agar remaja tidak terpengaruh dengan akhlak buruk rakan sebaya. Pengaruh yang kuat menjadikan remaja terdorong melakukan pelbagai salah laku akhlak sama ada seksual, mencuri dan lain-lain (Nurzatil et al. 2022). Kajian Shahrudin et al. (2018) mendapati pengaruh rakan sebaya mempunyai hubungan signifikan dengan sikap terhadap tingkah laku seksual. Pengambilan dadah dalam kalangan mereka merupakan sesuatu yang luar biasa dan pastinya terdapat faktor yang mempengaruhi masalah ini.

Keterlibatan golongan remaja dengan dadah dapat dikesan dengan menyumbang kepada beberapa kes. Oleh kerana itu, agak mustahil sekiranya remaja dapat memperoleh jenis-jenis dadah sekiranya tidak melalui akses yang terdekat dengan mereka. Perkara ini terjadi disebabkan oleh terjebak dengan ahli keluarga sendiri, sahabat atau jiran tetangga. Berdasarkan hasil dapatan temu bual Nurzatil et al. (2022), remaja memperoleh dadah daripada salah satu ahli keluarga iaitu abang kandung sendiri dan ada juga yang mendapatkan daripada ayahnya sendiri. Sehubungan dengan itu, keluarga yang terlibat dengan aktiviti dadah mempunyai risiko tinggi untuk anak-anak remaja juga turut terlibat dengan dadah. Ini kerana keluarga yang tidak membentuk, mendidik, memberi dorongan kepada kebaikan akan membentuk remaja yang bermasalah. Keluarga yang terlibat dengan masalah dadah sebagai contoh, mempunyai kebarangkalian yang besar dicontohi oleh anak-anak terutama remaja. Remaja yang mempunyai keluarga terlibat dengan dadah amat berisiko pengambilan dadah. Ia dibuktikan oleh kajian Norhayati (2018) responden yang pernah terlibat dengan pengambilan dadah menilai risiko yang tinggi pada diri mereka apabila terdapat ahli keluarga terdekat yang mengambil dadah berbanding mereka yang tidak pernah mengambil dadah.

Kaedah Kajian

Kajian ini merupakan kajian kualitatif menggunakan pendekatan semulajadi atau natural approach untuk memahami suatu fenomena dalam konteks yang khusus. Kajian lapangan adalah strategi penyelidikan yang sesuai untuk meneroka bidang kajian bagi mengetahui secara mendalam keadaan sebenar kumpulan atau kejadian tertentu. Kajian ini menggabungkan dua ciri utama kajian yang bersifat penerokaan dan penjelasan. Ianya bersifat demikian atas dua penelitian. Pertama, kajian yang dijalankan merupakan perspektif penelitian terbaru di dalam komuniti setempat iaitu Marang, Terengganu. Di mana ciri ini meneroka faktor-faktor terbaru yang menjadi punca penglibatan remaja dalam kes juvana. Dengan demikian, kajian ini bersifat penerokaan (Creswell, 2017). Kedua, kajian ini bermatlamat untuk menyampaikan gambaran semasa tentang realiti penglibatan jenayah juvana dalam kalangan remaja (Eriksson & Kovalainen, 2015). Seterusnya kajian ini akan menerangkan tentang tahap hubung kait yang terdapat di antara faktor-faktor atau pemboleh ubah yang diukur (Creswell, 2017). Oleh itu ia mengandungi ciri-ciri penjelasan untuk kajian ini (Taylor et al. 2015). Seterusnya, kajian ini dijalankan secara teoritikal menerusi kajian fenomena dan tinjauan yang berbentuk kualitatif dengan menggunakan kajian fenomenologi. Kajian dijalankan ke atas remaja di Terengganu yang mempunyai kesalahan jenayah juvana dan ditempatkan di Asrama Akhlak Rusila, Marang, Terengganu yang merupakan institusi pemulihan kepada kanak-kanak yang terlibat dengan jenayah dan tidak terkawal melalui seksyen 61 Akta Kanak-kanak 2001. Dengan itu, ia dapat memberi data primer yang dikehendaki.

Persampelan dalam kajian kajian ini mencakupi dua kategori, iaitu kumpulan remaja yang menghuni di Asrama Akhlak Rusila, Marang, Terengganu dan pegawai akhlak yang terlibat secara terus dan berkhidmat di sini. Kedua-dua kategori ditemubual secara bersemuka bagi mendapat maklumat tentang kajian. Jumlah populasi adalah seramai 38 orang bagi remaja dan dua orang pegawai. Seramai 14 orang informan dipilih menggunakan kaedah persampelan bertujuan, iaitu 12 orang remaja dan dua orang pegawai akhlak. 12 orang responden dipilih berdasarkan tiga perbezaan latar belakang sosioekonomi keluarga. Pengkaji telah memilih tiga orang responden daripada sosioekonomi yang paling rendah, tiga orang responden daripada sosioekonomi yang sederhana, dan tiga orang responden daripada sosioekonomi paling tinggi. Pengkaji mengambil 12 orang responden tertinggi untuk setiap kategori sosioekonomi adalah untuk melihat sejauh mana faktor sosioekonomi mempengaruhi penglibatan remaja dalam jenayah juvana. Sebelum menjalankan temu bual terhadap informan, pengkaji terlebih dahulu telah mendapatkan kebenaran dan kelulusan daripada pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Temu bual secara bersemuka tidak berstruktur dijadikan sebagai instrumen kajian dan dikendalikan sendiri oleh pengkaji. Terdapat 18 soalan temu bual berbentuk terbuka disoal kepada informan kumpulan remaja dan tiga soalan teras tentang informan disoal kepada informan kumpulan pegawai akhlak dan masa yang diambil untuk sesi temu bual adalah selama 30 hingga 40 minit. Semasa sesi temu bual, pengkaji merakam suara melalui alat perakam suara bagi merekod segala perbualan antara pengkaji dan informan. Selain itu, pengkaji juga menyalin maklumat-maklumat penting pada nota yang tidak dapat dizahirkan melalui rakaman suara. Kaedah ini dapat menjelaskan maksud yang mendalam terhadap maklumat yang diberikan. Kaedah analisis perbandingan secara berterusan digunakan untuk menganalisis data kajian berbentuk kualitatif. Dapatan kajian akan membongkarkan dan menyingkap trend faktor-faktor penglibatan remaja dalam juvana.

Hasil Kajian

Berikut adalah hasil kajian punca-punca penglibatan remaja dalam kes juvana yang melibatkan faktor demografi.

Jadual 1: Demografi Informan

Informan	Umur	Bil. Adik -beradik	Pekerjaan Bapa	Pekerjaan Ibu	Taraf Pendidikan
1	17	4	Guru	Pembantu Tadbir	PMR
2	17	5	Pembantu Rendah	Am Pembantu Khidmat Pelanggan	PMR
3	17	7	Pencen Askar	Berniaga	UPSR
4	17	4	Tiada Kerja Tetap	Operator Kilang	UPSR
5	17	12	Tidak Bekerja	Pembantu Gerai Makanan	PMR
6	14	4	Penghantar Khabar	Surat Meninggal Dunia	UPSR
7	16	8	Mekanik Motor	Pembantu Am Pam Minyak	UPSR
8	17	8	Buruh Binaan	Meninggal Dunia	UPSR
9	16	3	Pengawal Keselamatan Kilang	Tidak Bekerja	UPSR
10	14	3	Tiada Maklumat	Tidak Bekerja	UPSR
11	17	10	Buruh Binaan	Tidak Bekerja	Tiada
12	17	5	Pengutip Barang Terbuang	Tidak Bekerja	UPSR

Merujuk kepada Jadual 1, majoriti umur informan dalam kajian ini adalah 17 tahun iaitu seramai lapan orang. Hanya dua orang informan berumur 14 tahun dan dua orang informan berumur 16 tahun. Melalui dapatan ini jelas menunjukkan remaja berumur 17 tahun merupakan puncak kelakuan jenayah terjadi dalam kalangan remaja. Faktor jumlah ahli keluarga menjadi faktor penglibatan remaja dalam kes juvana. Secara keseluruhan, informan yang terlibat dalam juvana datang daripada kelompok keluarga yang besar dan majoriti jumlah ahli keluarga adalah 5 hingga 12 orang iaitu seramai 8 orang responden manakala baki seramai 4 responden lagi adalah terdiri daripada 3 dan 4 ahli keluarga. Kesan daripada ahli keluarga yang ramai adalah ibu bapa tidak dapat memberikan perhatian penuh kepada informan sehingga menyebabkan informan keluar mencari keseronokan bersama rakan-rakan di luar sehingga menyebabkan mereka terjebak dengan jenayah juvana. Selain daripada informan tidak mendapat perhatian daripada ibu bapa, dengan jumlah ahli keluarga yang ramai telah menyebabkan taraf ekonomi keluarga informan berada pada tahap rendah dan tidak mampu untuk menyediakan keperluan dan kelengkapan asas dengan sempurna termasuklah informan tidak dapat meneruskan persekolahan. Hal ini dapat dibuktikan dalam Jadual 1 yang mana seramai 8 orang informan hanya bersekolah pada tahap sekolah rendah (UPSR), 3 orang responden bersekolah pada tahap menengah rendah (PMR) dan seorang informan tidak bersekolah. Daripada hasil kajian juga, informan yang terlibat dengan jenayah juvana adalah mereka yang tercicir dalam pelajaran dan tidak meneruskan pengajian mereka ke peringkat seterusnya. Mereka tidak berminat untuk ke

sekolah kerana mereka tidak mendapat galakan dan dorongan daripada ibu bapa. Jika dilihat dari sudut pekerjaan ibu bapa, hampir kesemua ibu bapa informan bekerja dalam bidang bukan professional. Hanya seorang sahaja bapa informan yang mempunyai profesion professional iaitu sebagai guru. Dengan ini dapat dilihat bahawa ibu bapa informan tidak mempunyai tahap kelayakan pendidikan tinggi. Umum mengetahui tahap pendidikan ibu bapa memainkan peranan utama dalam mendidik anak. Seterusnya, pekerjaan ibu bapa menunjukkan peranan penting dalam pembentukan kehidupan yang lebih baik kepada informan. Daripada dapatan kajian ini boleh dikenal pasti 6 daripada 8 bapa informan tidak mempunyai pekerjaan tetap. Manakala ibu informan pula, 3 orang tidak mempunyai pekerjaan tetap dan dua telah meninggal dunia. Maka, rumusan yang dapat dibuat terhadap keluarga informan adalah mereka terpaksa bekerja keras demi kelangsungan hidup. Hal ini telah menyebabkan perhatian dalam mendidik informan tidak dapat dilaksanakan dengan baik dan sewajarnya.

Jadual 2: Jenis Kesalahan dan Punca Penglibatan

Informan	Jenis Kesalahan	Punca Penglibatan
1	Mencuri penutup longkang	Diri sendiri
2	Mengedar dadah	Pengaruh rakan
3	Mencuri motorsikal	Pengaruh rakan dan tekanan perasaan daripada ahli keluarga
4	Mengedar dan menagih dadah	Pengaruh rakan
5	Menagih dadah	Pengaruh rakan
6	Mencuri telefon bimbit	Diri sendiri
7	Mencuri wayar elektrik	Diri sendiri
8	Mencuri motosikal	Diri sendiri dan pengaruh rakan
9	Menagih dadah	Pengaruh rakan secara paksa
10	Mencuri motorsikal	Pengaruh abang (keluarga)
11	Memiliki dadah	Pengaruh rakan dan diri sendiri
12	Menagih dadah	Diri sendiri dan pengaruh rakan

Jadual 2 merupakan hasil temu bual pengkaji dengan informan berkenaan jenis kesalahan yang dilakukan dan punca penglibatan mereka dalam kesalahan tersebut. Komposisi terbesar jenis jenayah yang dilakukan dalam kumpulan informan ini adalah kesalahan mencuri seramai 6 orang informan. Kesalahan mencuri terbahagi kepada mencuri motosikal paling ramai iaitu seramai 3 orang, mencuri penutup longkang seorang, mencuri telefon bimbit seorang, dan mencuri wayar elektrik seorang. Selebihnya, 4 orang informan menagih dadah dan 2 mengedar dadah. 8 daripada 12 orang informan telah menyatakan punca mereka melakukan kesalahan tersebut adalah disebabkan pengaruh daripada rakan. Faktor diri sendiri juga memberi kesan terhadap kecenderungan informan melakukan kesalahan juvana. Seramai 6 orang informan menyatakan diri sendiri iaitu perasaan ingin mencuba sebagai punca penglibatan mereka dalam jenayah juvana. Selain daripada faktor pengaruh rakan dan diri sendiri, faktor keluarga juga menjadi penyebab kepada remaja terjebak dengan kesalahan jenayah seperti informan ke-10 telah dipaksa dan diugut oleh abangnya untuk mencuri motosikal. Sekiranya tidak berbuat demikian, informan ke-10 akan dipukul. Selain itu, informan ke-3 terjebak dengan kesalahan juvana kerana mengalami tekanan perasaan daripada ahli keluarga iaitu ayahnya sering membebel dan marah-marah. Keadaan ini telah menyebabkan informan ketiga tidak seronok untuk tinggal di rumah dan menghabiskan masa di luar rumah sehingga terpengaruh dengan ajakan kawan yang pada mulanya hanya suka-suka mencuri motosikal untuk mendapatkan sumber pendapatan sehingga menyebabkan dirinya ditangkap oleh pihak polis.

Jadual 3: Ulasan Daripada Pegawai Asrama Akhlak Rusila, Marang

Informan	Ulasan
1	Informan adalah seorang kanak-kanak yang masih memerlukan bimbingan dan tunjuk ajar serta perhatian lebih daripada kedua ibu bapanya. Informan mempunyai akhlak kasar dan susah menerima nasihat, serta selalu bercakap kasar dengan ibu bapanya disebabkan oleh pengaruh pil kuda. Informan bebas berkawan dengan kawan yang selalu membawanya ke arah perbuatan yang buruk terutamanya terlibat dengan dadah. Ibu bapa informan risau dan ingin melakukan sesuatu yang boleh memisahkan informan dengan rakan-rakan yang selalu mempengaruhinya kerana informan terlibat dengan dadah kerana adanya rakan-rakan bersamanya.
2	Informan menyatakan telah insaf serta berazam tidak mengulangi kesilapannya. Pengalaman informan berada dalam tahanan polis untuk beberapa hari telah banyak memberi kesedaran dan keinsafan buat dirinya. Dalam hal ini informan belum matang dan mudah terpengaruh dengan tingkah laku dan ajakan rakan-rakan. Jiwa remajanya telah mendorong keinginan untuk melakukan sesuatu perkara yang boleh memudaratkan diri sendiri tanpa berfikir panjang dan mengikut hawa nafsu. Informan benar-benar insaf dan merayu agar diberi peluang memperbaiki diri dan berhasrat untuk bekerja bagi membantu keluarga.
3	Informan bersikap semakin menjauhkan diri daripada ahli keluarga dan inginkan kebebasan sepenuhnya tanpa kawalan daripada ibu bapanya. Informan tidak bersekolah dan tidak mempunyai sebarang kemahiran khusus. Informan perlu diberi pembelajaran yang berterusan demi masa depannya yang masih panjang. Demi kebajikan dan masa depan informan, disyorkan informan menjalani Perintah Percubaan selama 2 tahun sebagaimana peruntukan di bawah Seksyen 91 (1) (e) Akta Kanak-kanak 2001. Informan menjalani pemulihan di Asrama Akhlak Rusila Marang selama 1 tahun sebagaimana peruntukan di bawah Seksyen 98 Akta Kanak-kanak 2001 dan baki 1 tahun di bawah seliaan Pegawai Akhlak Kota Bharu. Informan telah ditempatkan sementara di lokap IPD Pengkalan Chepa, Kota Bharu sebelum dihantar oleh Pegawai JKM ke Asrama Akhlak.
4	Masalah keciciran daripada persekolahan dan kurang pemantauan daripada ahli keluarga menjadi punca utama permasalahan yang dihadapi informan. Hal ini kerana pada usia begini informan cenderung untuk mencari kebebasan dalam hidup dan akan bertindak di luar pemikiran yang matang. Pengaruh persekitaran dan rakan-rakan serta kurang didikan agama banyak mempengaruhi perubahan sikap dan tingkah laku informan sehingga terlibat dengan dadah.
5	Informan merupakan kanak-kanak yang masih memerlukan bimbingan dan perhatian daripada ibu bapanya. Tarikan kuat daripada pengaruh luar terutama rakan sebaya atau lebih tua darinya menyebabkan informan mudah dipengaruhi dan perasaan ingin mencuba sesuatu yang baru walaupun perbuatannya menyalahi undang-undang. Informan selalu berkawan dan ibu bapa informan tidak mengetahui baik buruk akhlak kawan-kawan informan. Informan mempunyai ruang untuk memperbaiki diri agar menjadi seorang insan yang berguna kepada keluarga dan masyarakat.
6	Informan diperintah dengan satu bentuk peraturan disiplin bagi memastikan kesalahan sama tidak berulang. Kesalahan ini merupakan kesalahan pertama informan dituduh di Mahkamah Kuala Krai. Maka, pegawai akhlak

	mengesorkan informan dimasukkan ke mana-mana sekolah diluluskan agar dapat memastikan perubahan tingkah lakunya. Terdapat beberapa perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan di asrama akhlak antaranya jagaan (tempat tinggal, makanan, pakaian, rawatan perubatan dan keperluan harian lain), kaunseling dan bimbingan (kaunseling individu, kaunseling kelompok dan sesi motivasi), kelas akademik (dalam dan luar institusi), pendidikan keagamaan dan moral, kelas latihan vokasional dan kemudahan sukan atau riadah.
7	Informan mengakui telah insaf dengan perbuatan mencuri dan tidak menyangka akan dikenakan tindakan undang-undang yang tegas kerana mencuri barangan bernilai puluhan ringgit sahaja. Informan juga insaf setelah berada di dalam lokap polis selama tiga hari sebelum dibebaskan dengan bayaran jaminan oleh ibu bapanya. Informan telah dicadangkan Bon Berkelakuan Baik dengan cagaran paling minimum dan informan serta ibu bapa atau penjaga perlu menghadiri bengkel interaktif serta aktiviti di dalamnya yang dikelolakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat selama satu tempoh yang difikirkan sesuai oleh pihak mahkamah. Cadangan ini diberi dengan merujuk Seksyen 91 (a) (b) dan Seksyen 93 (1) (b) Akta Kanak-kanak 2001.
8	Informan merupakan seorang kanak-kanak berperwatakan sederhana, tidak agresif, pendiam, tetapi mudah dipengaruhi serta mengikut kawan-kawan. Informan tidak dapat membezakan perbuatan baik atau buruk. Informan harus diberi pemulihan agar tidak lagi mengulangi perbuatan tersebut. Bapa informan tidak mahu menjamin informan sebaliknya mahu menghantar informan ke asrama akhlak sebagai pengajaran dan kebaikan untuk informan.
9	Informan merupakan kanak-kanak yang masih memerlukan bimbingan, tunjuk ajar, dan perhatian lebih daripada ibu bapanya. Bapanya bekerja sebagai pengawal keselamatan dan bertugas pada waktu malam. Ketika bapanya bertugas, informan telah mengambil peluang keluar pada waktu malam. Informan dikatakan kurang mendengar nasihat ibu bapa, selalu membantah apabila diberi nasihat. Di sini dapat dilihat fungsi keluarga memainkan peranan penting untuk membentuk jati diri informan supaya menjadi insan berguna.
10	Informan melakukan kesalahan mencuri motosikal atas desakan abangnya kerana mereka memerlukan kenderaan untuk bergerak dari satu tempat ke satu tempat. Faktor usia pada peringkat awal remaja menyebabkan informan tidak mengetahui kesan serta akibat daripada perbuatan tersebut. Tambahan pula informan tidak mendapat perhatian dan kasih sayang daripada keluarga. Kemiskinan dan kesusahan hidup telah membuatkan informan tidak dapat meneruskan persekolahan dan terpaksa keluar mencari kerja untuk meneruskan kelangsungan hidup. Ayah responden telah menghilangkan diri. Informan tinggal bersama ibu dan neneknya. Ibunya tidak bekerja dan mengharapkan sepenuhnya bantuan daripada JKM yang diterima oleh neneknya sebanyak RM200 sebulan. Lebih menyedihkan, ibu informan terlibat dengan penagihan dadah. Tetapi, informan tidak terlibat dengan dadah dan tidak menghisap rokok.
11	Informan tidak bersekolah sejak berusia 13 tahun dan selalu mengikut ayahnya ke tapak binaan. Pada hari tidak bekerja, informan banyak menghabiskan masa bersama rakan-rakan sama ada seusia dengannya atau lebih dewasa daripadanya di sekitar kampung. Informan mengaku telah terlibat dengan pil khayal sejak berusia 15 tahun dan tidak tahu untuk apa pil tersebut diambilnya. Bapa informan tidak menyangka dan kesal dengan tindakan informan dan berharap agar informan insaf serta mengambil teladan.

12	Keluarga informan yang tinggal di kawasan komuniti mudah terdedah kepada masalah juvana mengaku tidak mampu untuk mengawal tingkah laku dan pergaulan informan. Keluarga telah menegaskan bahawa mereka tidak akan membayar denda atas kesalahan yang dilakukan kerana mereka telah memberi amaran awal kepada informan selain faktor kewangan yang dihadapi oleh keluarga.
----	---

Perbincangan dan Cadangan

Remaja perlu dibentuk dan diberi dorongan dalam melakukan kebaikan serta membezakan antara hak dan batil agar dapat membentuk jati diri Islam. Penghayatan kehidupan berasaskan amalan dan nilai-nilai Islam dapat menghindarkan remaja daripada terlibat dengan salah laku akhlak. Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan berlaku salah laku akhlak dalam kalangan remaja iaitu keluarga, rakan sebaya, perkembangan pesat teknologi, dadah, kesilapan memilih idola dalam kehidupan, inginkan kemewahan berlebihan serta kurang didikan agama. Selain itu, terdapat beberapa faktor lain yang mempengaruhi akhlak remaja antaranya ialah persekitaran pelajar iaitu ibu bapa, guru, rakan sebaya, masyarakat dan media massa (Hasbullah et al. 2020). Begitu juga dalam kajian (Absba Atiah Abu Bakar & Mohd. Isa Hamzah, 2019), faktor keterlibatan remaja dengan masalah sosial yang dapat dikenalpasti adalah diri sendiri, ibu bapa, media massa dan rakan sebaya. Daripada hasil penerokaan pengkaji, faktor utama remaja terlibat dengan kesalahan juvana adalah disebabkan faktor sosioekonomi keluarga yang rendah. Ibu bapa informan tidak mempunyai pendapatan yang mencukupi untuk menyara kehidupan mereka sekeluarga. Keselesaan tempat tinggal memainkan peranan penting untuk memastikan anak-anak remaja berasa selesa ketika berada di rumah. Taraf ekonomi yang rendah dalam institusi kekeluargaan telah memaksa anak-anak keluar mencari pekerjaan bagi mendapatkan upah untuk membeli keperluan asas (Sharifah Shahida & Lukman, 2023) sehingga remaja mula terjebak dengan aktiviti tidak sihat seperti mencuri dan mengambil dadah seperti mana yang terjadi kepada informan 8 dalam kajian ini. Temu bual bersama informan, pengaruh rakan-rakan sangat kuat untuk merosakkan akhlak remaja sekaligus memusnahkan masa depan remaja. Hanya bermula dengan pengaruh seorang rakan, seseorang itu boleh terjebak dengan aktiviti tidak sihat seperti merokok, ponteng sekolah, tidak pulang ke rumah sehinggalah terlibat dengan dadah kerana remaja mempunyai rasa ingin mencuba (Norsahida Sakira Kirman, 2021). Selain itu, kurangnya kasih sayang dan perhatian daripada ibu bapa telah menyebabkan remaja terlibat dengan kesalahan jenayah (Nurul Shahira Zolkarnain & Faudziah Yusof, 2020). Hasil kajian ini turut disokong oleh kajian (Buerah Tunggak et al. 2015) yang mana faktor utama adalah sikap pelajar sendiri, faktor latar belakang keluarga, rakan sebaya, pengaruh media massa dan persekitaran.

Pesalah juvana harus diberikan hukuman sewajarnya meskipun bawah Akta Kanak-Kanak 2001, si pelaku dikategorikan sebagai kanak-kanak kerana bawah umur 18 tahun, namun secara psikologinya golongan berkenaan sudah masuk ke alam remaja. Hukuman bertujuan memberi pengajaran agar pelaku juvana belajar daripada kesilapan dan sedar ada perkara boleh dibuat dan ada perkara sebaliknya. Analoginya, jika seorang ayah memarahi anak atas kesilapan yang dibuat, tetapi si ibu memujuk dan membela si anak maka kita bimbang si anak akan 'naik lemak' kerana setiap kesalahan yang dibuat pasti ada orang yang akan membelanya. Pembelaan dan dalam masa sama hukuman yang sewajarnya patut diberikan sebagai pengajaran untuk masa akan datang. Dari aspek undang-undang semua jenayah mesti disiasat, didakwa dan dihakimi dengan adil. Ia melibatkan proses penyiasatan, pendakwaan dan perbicaraan yang panjang. Undang-undang kekal sama dan "no one is above the law". Simpati tidak membantu pelaku untuk tidak melalui proses perbicaraan yang panjang. Pesalah juvana di Malaysia

diberikan beberapa pengecualian dan peringanan di dalam sistem hukuman negara ini. Antaranya mereka boleh dikecualikan daripada hukuman pemenjaraan yang panjang. Di bawah Akta Mahkamah Juvana 1947 di bawah Seksyen 12(1), mahkamah yang mengendali kes juvana boleh memerintahkan pesalah juvana untuk menandatangani bon berkelakuan baik atau memerintahkan menempatkan juvana di bawah jagaan penjaga yang sesuai atau dihantar ke sekolah pemulihan akhlak. Konsep pencegahan dan pemulihan sememangnya diaplikasikan di dalam undang-undang dan hukuman melibatkan pesalah bawah umur. Konsep “innocent until proven guilty” adalah terpakai dalam semua pertuduhan jenayah sama ada sekecil-kecil jenayah sehingga pertuduhan yang paling besar.

Prinsip kedaulatan undang-undang perlu diangkat dan semua pihak perlu menghormatinya dan jika didapati tidak bersalah ahli keluarga, rakan-rakan dan masyarakat perlu memberi sokongan moral kepada pelaku untuk kembali bangkit dan melupakan episod hitam yang dilaluinya. Pengalaman dan trauma termasuk melalui proses perbicaraan yang panjang sudah cukup memberi pengajaran kepada pelaku. Bukan tugas masyarakat untuk menghukum pelaku dan keluarganya atas kejadian yang telah berlaku. Masyarakat perlu mengambil pengajaran dan lebih cakna terhadap isu kesihatan mental dan cara menghadapi tekanan.

Kesimpulan

Undang-undang berkaitan tanggungjawab ibu bapa bukanlah suatu konsep baru, dan ianya semakin mendapat tempat dalam polisi dan penggubal dasar berkaitan pentadbiran keluarga pada masa ini. Bagi ibu bapa yang lalai menjalankan tanggungjawab mereka sehingga mengabaikan anak-anak, pelbagai pendekatan harus diutarakan dan diperhalusi oleh penggubal polisi dalam menangani isu pengabaian tanggungjawab ibu bapa terhadap anak-anak mereka. Dengan adanya Akta Kanak-kanak (Pindaan) 2016 yang mengutarakan empat kandungan utama iaitu Daftar Kanak-kanak, Perintah Khidmat Masyarakat (CSO), penjagaan berasaskan keluarga dan kenaikan penalty yang diwartakan pada akhir Julai 2016, diharapkan dapat memantapkan lagi perundangan berkaitan perlindungan kanak-kanak dan tanggungjawab ibu bapa di Malaysia. Undang-undang berkaitan tanggungjawab ibu bapa di Malaysia perlulah merujuk kepada aspek Undang-undang Islam (bagi mereka yang beragama Islam). Manakala, bagi ibu bapa yang bukan Islam, tanggungjawab ibu bapa perlu dilihat daripada aspek adat budaya setempat yang masih diamalkan sehingga kini. Secara tidak langsung, polisi-polisi yang diperkenalkan akan memantapkan lagi Dasar Keluarga Negara yang diluluskan oleh kerajaan Malaysia pada Disember 2010 dan Pelan Tindakan Kanak-kanak Negara (2012) mengikut acuan dan persekitaran di Malaysia.

Pengakuan

Di sini saya mengambil peluang untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) kerana telah memberi kebenaran kepada saya untuk menjalankan kajian ke atas penghuni iaitu pesalah juvana di Asrama Akhlak Rusila, Marang Terengganu. Ucapan terima kasih diucapkan kepada pegawai dan warden Asrama Akhlak Rusila Marang kerana telah memberi kerjasama yang terbaik kepada saya. Terima kasih juga iucapkan kepada Dato' Anuar selaku penyelia yang telah memberi sokongan dan idea. Tidak ketinggalan juga buat Dr. Azlini selaku rakan penulis artikel ini. Yang terakhir, terima kasih kepada pihak penerbit International Journal Of Law, Government And Communication (IJLGC) kerana telah menerbitkan artikel ini sebagai bahan rujukan kepada semua pihak yang memerlukan.

Rujukan

- Abd Majid, M., Azizan, N. I., Mohamad, N., Usman, A. H., Haridi, N. H. M., Ismail, Z., & Rahman, A. H. A. (2021). Faktor Penglibatan Tingkah Laku Delinkuen dalam Kalangan Remaja: Satu Sorotan Literatur Sistematis: Involvement Factors in Delinquent Behavior among Adolescents: A Systematic Literature Review. *Jurnal Pengajian Islam*, 14(2), 12-27.
- Aneeta Kulasegaran. (1999). *Women's And Children's Rights – And The Protection Offered By Domestic Law*. Didapati dari www.lawyerment.com.my
- Azizan, N. I., Abd Majid, M., Mohamad, N., Usman, A. H., Haridi, N. H. M., Ismail, Z., & Rahman, A. H. A. (2022). Faktor Penglibatan Salah Laku Delinkuen dalam Kalangan Remaja: Kajian di Pusat Pemulihan: Factors Involving The Misconduct of Delinquent Adolescents in Rehabilitation Centers. *E-Jurnal Penyelidikan Dan Inovasi*, 59-74.
- Bakar, A. A. A., & Hamzah, M. I. (2019). Faktor keterlibatan remaja dengan masalah sosial. *Jurnal Hadhari*, 11(1), 1-17.
- Bakar, B. A., Yakub, M., Yusoff, Z. M., & Norasid, M. A. (2019). Manhaj Al-Quran Mengenai Dakwah terhadap Remaja: Satu Kajian Bibliomatrik. *Jurnal'Ulwan*, 3(1), 70-88.
- Balconi, M., Fronda, G., & Crivelli, D. (2019). Effects of Technology-Mediated Mindfulness Practice On Stress: Psychophysiological And Self-Report Measures. *Stress*, 22(2), 200-209.
- Daud, H. M., Yussuf, A., & Kadir, F. A. A. (2020). Pembentukan Akhlak Dan Sahsiah Pelajar Melalui Pembelajaran Sosial Menurut Perspektif Islam. *e-BANGI Journal*, 17(9).
- Ibrahim, N., Ismail, R., Amit, N., Tambi, N., Selamat, M. N., Abd Razak, M. A., ... & Shafurdin, N. S. (2018). Perbandingan Tahap Pengetahuan, Sikap Dan Kesan Dadah Dalam Kalangan Remaja Sekolah Berisiko. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 32(2).
- Kamaluddin, M. R., Selamat, M. N., & Osman, A. (Eds.). (2021). *Delinkuensi remaja: isu, intervensi & pemulihan*.
- Kirman, N. S., Hassan, M. M., Anwar, F. H., Khir, A. M., & Jaafar, W. M. W. (2021). Faktor Sosialisasi dalam Mempengaruhi Tingkah Laku Individu. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(1), 106-118.
- Majid, M. A., Azman, N. Z., & Yani, N. I. M. (2019). Faktor penglibatan remaja dalam salah laku seksual: Kajian terhadap remaja hamil luar nikah di Pusat Pemulihan Akhlak negeri Selangor: Teenagers' involvement factor in sexual misconduct: A study on teenagers' premarital pregnancy in Selangor state Moral Rehabilitation Centre. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 4(2), 94-109.
- Mimi Kamariah Majid. (2001). Akta Kanak-kanak 2001: Satu Pendekatan Undang-undang Untuk Menangani Masalah Kanak-kanak dan Remaja Di Malaysia. *Kertas Kerja dibentangkan di Seminar Undang-undang dan Kerja Sosial*. Universiti Utara Malaysia.
- Mokhtar, F. N., Talib, J. A., Ab Raji, N. A., & Nor, S. B. M. (2024). Gaya Asuhan Ibu Bapa, Kecerdasan Emosi Dan Hubungannya Dengan Tingkah Laku Remaja Delinkuen. *Journal of Contemporary Social Science and Education Studies (JOCSSSES)* E-ISSN-2785-8774, 4(3 (Special Issue)), 107-112.
- Muhsin, S. S. S., & Lukman, Z. M. (2023). Sosioekonomi Mempengaruhi Kesejahteraan Kewangan Ibu Tunggal di Terengganu. *Jurnal Dunia Pengurusan*, 5(1), 42-53.
- Mustafa, N., Bakar, A. L. A., Basri, M., & Usman, A. H. (2021). The concept of sad al-dhara'I '(blocking the means) related to preventive and rehabilitation in sexuality education in Malaysia. *MENARA: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 2(2), 74-92.
- Nasir, N. C. M. (2023). *Jenayah Dari Perspektif Klasik, Biososial dan Trait Personaliti* (UUM Press). UUM Press.

- Nordin, N. N. N., & Selamat, M. N. (2018). Tingkah laku delinkuen pelajar dan faktor-faktor yang mempengaruhinya. *Jurnal Wacana Sarjana*, 2(1).
- Norzli, N., Abdullah, B., Sham, F. M., Yusoff, Z., Mansor, N. S. A., El Khaiat, M. H. M., & Noruddin, N. (2019). Kajian literatur ciri-ciri pendakwah wanita dalam membina penghargaan sendiri remaja. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences (e-ISSN: 2600-9080)*, 2(4), 114-123.
- Othman, M., Sarnon, N., & Zakaria, E. (2018). Kefungsian keluarga remaja perempuan tidak terkawal: Suatu penerokaan. *Human Sustainability Procedia*.
- Othman, M., Sarnon, N., & Zakaria, E. (2019). Meneroka Kefungsian Keluarga Remaja Perempuan Tidak Terkawal Yang Dirujuk Ibu Bapa Untuk Intervensi Kerja Sosial. *e-BANGI*, 16(9), 86-101.
- Price, N. N., Scelsa, V. L., Zeman, J. L., & Luebbe, A. M. (2023). Profiles Of Adolescents' Sadness, Anger, And Worry Regulation: Characterization And Relations With Psychopathology. *Emotion*, 23(2), 473.
- Rapee, R. M., Oar, E. L., Johnco, C. J., Forbes, M. K., Fardouly, J., Magson, N. R., & Richardson, C. E. (2019). Adolescent development and risk for the onset of social-emotional disorders: A review and conceptual model. *Behaviour research and therapy*, 123, 103501.
- Shahrudin, N. J., Mansor, M., Madon, Z., & Hamsan, H. H. (2018). Hubungan Pengaruh Rakan Sebaya, Estim Diri Dan Lokus Kawalan Dengan Sikap Terhadap Tingkah Laku Seksual. *Akademika*, 88(2), 81-94.
- Shamsiah Abdul Rahman. (2004). Jenayah Juvenil: Peranan Jabatan Kebajikan Masyarakat. *Kertas Kerja di bentangkan di Seminar Kebangsaan Pencegahan Jenayah Juvana*. IKIM.
- Sharifah Shahida Binti Syed Muhsin. (2017). Penglibatan Remaja Melayu Dalam Jenayah: Kajian Kes Penghuni Asrama Akhlak Rusila, Marang, Terengganu. *Sarjana Sains Sosial*. Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Sudi, S., Wazir, R., Salleh, N. M., Usman, A. H., Awang, A. H., & Rosman, S. Z. (2021). Membentuk Spiritual Individu Menurut Hadis Untuk Pencegahan Dadah: Moulding Individual Spirituality In Accordance To Hadiths For Drug Prevention. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 6(1), 640-650.
- Tunggak, B., Ngadi, S., & Naim, H. A. (2015). Delinkuen Pelajar Dan Cadangan Penyelesaiannya Menerusi Model Pembangunan Sahsiah Remaja/Pelajar Muslim Bersepadu. *Jurnal Hadhari*, 7(2), 11-30.
- Wazir, R., Usman, A. H., Salleh, N. M., Sudi, S., Awang, A. H., & Rosman, S. (2020). Pencegahan dadah dalam kalangan belia berisiko melalui elemen penghayatan akidah: Drug prevention among at-risk youth through element of aqidah comprehension. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 5(2), 415-424.
- Zolkanain, N. S., & Yusof, F. (2020). Hubungan Kasih Sayang Ibu Bapa Dengan Tingkah Laku Delinkuen Pelajar Tingkatan Tiga Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Alauddin, Masjid Tanah, Melaka. *Jurnal Sains Sosial*, 5(1), 25-32.